

KESEPAKATAN MENTERI-MENTERI ASEAN MENANGANI ISU DADAH

KDN Sana Sini

Langkawi, 29 Oktober 2015: Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 28 – 29 Oktober 2015 menganjurkan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Isu Dadah Ke-4 (AMMD Ke-4) dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri (TPM) merangkap Menteri Dalam Negeri. Kemuncak AMMD Ke-4 di Langkawi adalah kesepakatan Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam isu-isu berkaitan dadah untuk menanganinya dengan lebih tegas beserta hala tuju yang lebih jelas sebagai komitmen serantau. Kata sepakat tersebut dicapai sebagai menyusuri pandangan Mesyuarat Persediaan Peringkat Pegawai-pegawai Kanan (ASOD) yang berlangsung pada 28 Oktober 2015.

Mesyuarat ASOD mengenai isu dadah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN, YBhg. Dato' Sri Alwi bin Hj Ibrahim yang antara lainnya membincangkan kemajuan dan pencapaian negara kesatuan ASEAN khususnya dalam aspek pemulihan dan pembasmian aktiviti bersifat rentas sempadan serta penggunaan seperti pembuatan, penyeludupan dan juga penyalahgunaan dadah. Matlamat akhir ASOD mahu pun AMMD Ke-4 adalah ke arah mewujudkan satu komuniti ASEAN yang sejahtera dan bebas dari ancaman dadah iaitu selari dengan aspirasi ASEAN bagi mewujudkan Rantau Asia Tenggara sebagai zon yang maju, makmur, harmoni, aman dan stabil.

Perbincangan peringkat menteri telah menghasilkan rangka halatuju strategik di samping merintis ruang kerjasama yang lebih luas bagi melaksanakan keputusan dasar secara holistik mengenai dan bersepadu di negara masing-masing. Selain itu kerjasama erat yang sedia terjalin dalam menangani isu dadah di rantau ini juga berjaya diperkukuhkan. YAB TPM bagi pihak negara tuan rumah dan Pengerusi AMMD Ke-4 menzahirkan komitmen Malaysia untuk berperanan penting mencapai misi bebas dadah serta kesediaan menggerakkan negara-negara ASEAN dalam menangani cabaran dan isu-isu terkini yang berkaitan kerana dadah merupakan isu besar dan sejagat.

Kesimpulannya, AMMD Ke-4 berjaya mempererat lagi kerjasama dan memantapkan tahap komitmen sesama negara anggota ASEAN untuk mencapai misi bebas dadah. Kesepakatan dan halatuju strategik dalam mencapai misi sukar tetapi tidak mustahil adalah selari dengan aspirasi ASEAN menjadikan negara-negara ahli dan rantau Asia Tenggara ini mencapai

kemajuan, kemakmuran, keharmonian, keamanan dan kestabilan. Sebagai langkah ke hadapan, keputusan dasar ASEAN berhubung isu dadah yang dicapai dalam AMMD Ke-4 bakal dibawa ke Persidangan Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Sesi 2016 bagi mempamerkan pendirian, halutuju dan ketegasan ASEAN menangani isu/masalah dadah sejagat.

Sebagai rekod, Mesyuarat AMMD yang pertama berlangsung pada 30 Ogos hingga 1 September 2012 di Bangkok, Thailand. Brunei Darussalam mempengerusikan mesyuarat AMMD Ke-2 pada 2 hingga 4 September 2013; dan AMMD Ke-3 berlangsung pada 1 hingga 4 Disember 2014 di Indonesia. Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada 27 April 2015 telah bersetuju dengan penubuhan AMMD secara rasmi justeru bermula tahun 2016, AMMD akan bersidang secara dwi-tahunan bagi tujuan mengupayakan gerak kerja secara sepadu di peringkat serantau dan di setiap negara ASEAN. Penganjuran AMMD Ke-4 diurusetikan oleh Bahagian Penjara dan Dadah KDN bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan manakala aktiviti persediaan penganjuran diPengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Keselamatan) YBhg. Dato' Sri Adenan Abdul Rahman.

© 2015, Ministry of Home Affairs

Source: <http://www.moha.gov.my/index.php/en/kdn-sana-sini/2496-kesepakatan-menteri-menteri-asean-menangani-isu-dadah>